

Kerajaan kaji tambah hutan simpan kekal di KL, Labuan

(9 Mei 2023) BH, PG

Tanam pokok, pewartaan baharu antara langkah diambil kementerian

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my


Putrajaya: Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim (NRECC) sedang mengkaji untuk meningkatkan saiz hutan simpan kekal (HKS) di Kuala Lumpur dan Labuan.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata, pihak kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sentiasa mengadakan usaha berterusan, khususnya membabitkan penanaman pokok di kawasan hutan kekal di semua kawasan.

Mengulas lanjut, katanya, antara langkah sudah diambil termasuk mengadakan pewartaan terbaharu Hutan Simpan Sungai Besi Tambahan seluas 23.83 hektar pada 2021.

Pada Januari lalu pula, beliau berkata, Jabatan Perhutanan Wilayah mengenal pasti beberapa kawasan sesuai untuk meningkatkan hutan simpan kekal di kawasan itu.

"Kita maklum Kuala Lumpur ini adalah kawasan ibu negara dan banyak halangan dari segi saiz kerana ia pusat pembangunan," katanya ketika sidang media Majlis Pelancaran Robost di sini, semalam.



Hutan Simpan Sungai Besi Tambahan seluas 23.83 hektar diwartakan pada 2021.

(Foto hiasan)

Hutan beberapa bukit di KL patut diwartakan lokasi hijau

RimbaWatch guna alat pemantauan senal pasti kawasan ditebang

Kuala Lumpur: Ribimawatch, sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berfokuskan pada pemantauan dan pemertanian hutan, telah mengumumkan bahawa mereka telah mengenal pasti beberapa kawasan di Kuala Lumpur yang patut diwartakan sebagai hutan simpan kekal.

RimbaWatch, sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berfokuskan pada pemantauan dan pemertanian hutan, telah mengumumkan bahawa mereka telah mengenal pasti beberapa kawasan di Kuala Lumpur yang patut diwartakan sebagai hutan simpan kekal.

Keratan akhbar BH, semalam.

Terdahulu, BH melaporkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar, RimbaWatch, mencadangkan hutan di beberapa bukit sekitar Kuala Lumpur diwartakan sebagai kawasan hijau oleh De-

wan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Antaranya, Bukit Dinding, Bukit TM Wangsa Maju, Bukit Kiara dan Bukit Pudu Ulu, dengan selain DBKL, kawasan berkenaan boleh diuruskan bersama sebagai hutan komuniti oleh penduduk setempat untuk pemuliharaan dan rekreasi.

Wujud koridor hidupan liar

Pengarah RimbaWatch, Adam Farhan, berkata pihaknya berpendapat HSK harus dihadkan kepada hutan semula jadi, namun banyak hutan di sekitar Kuala Lumpur adalah kawasan hijau sebagai ladang getah yang terbengkalai.

Selain hutan di kawasan bukit berkenaan, RimbaWatch berharap koridor hidupan liar dapat diwujudkan di sepanjang kawasan hijau seperti yang menghubungkan Bukit Gasing dan Bukit Kiasa.

Sementara itu, Nik Nazmi berkata, kementerian bercadang meningkatkan saiz HSK di Bukit Dinding dan Bukit TM Wangsa Maju yang sebahagian tanah itu dimiliki DBKL untuk dijadikan sebagai kawasan rekreasi atau kawasan hijau lapang.

Menurutnya, pada masa ini, kementerian akan terus mengekalkan HSK sedia ada seperti Bukit Dinding, Bukit Kiara dan Bukit Pudu Ulu.